



Mimbar Darul Tafsir

#100: Dwi Fungsi Wanita Muslimah

Penulis Artikel

USTAZ DR. MUHAMMAD HANIFF HASSAN

Felo | Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS)
Universiti Teknologi Nanyang Singapura

Dwi Fungsi Wanita Muslimah

وَقُرْنَ فِي بُيُوتٍ كُنَّ وَلَا تَبَرَّجَ الْجَهِيلِيَّةُ الْأُولَىٰ صَلَوةً وَأَقْمَنَ
الصَّلَوةَ وَءَاتَيْنَ الْزَكْوَةَ وَأَطْعَنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ حٰ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ
لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الْرِجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُظْهِرَ كُمْ تَطْهِيرًا

“Dan hendaklah kamu (isteri-isteri Nabi s.a.w) tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahiliyah zaman dahulu dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu, wahai ‘Ahlul Bait’ dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji).” (Al-Ahzab:33)



وَادْكُرْنَا مَا يُتْلَى فِي بُيُوتِكُنَّ مِنْ عَائِتِ اللَّهِ وَالْحِكْمَةِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ
لَطِيفًا خَبِيرًا

“Dan ingatlah (serta sampaikanlah) apa yang dibaca di rumah kamu dari ayat-ayat Allah (Al-Quran) dan hikmah pengetahuan (hadis-hadis Rasulullah). Sesungguhnya Allah Maha Halus tadbirNya, lagi Maha Mendalam pengetahuanNya.” (Al-Ahzab:34)



02


PELAJARAN

Kedua-dua ayat ini dari Surah Al-Ahzab adalah sebahagian daripada ayat-ayat Al-Quran yang mengandungi **perintah-perintah Allah taala khusus buat para isteri Nabi s.a.w.**

Ayat 33, Surah Al-Ahzab memerintahkan **para isteri Nabi s.a.w agar melazimi rumah masing-masing dan tidak keluar darinya tanpa keperluan.** Tujuan perintah ini ialah untuk **menjaga maruah mereka dari menjadi sasaran fitnah atau gosip** kerana berada di luar rumah mendedahkan mereka kepada perhatian dan perbualan khalayak ramai. **Ia juga untuk menjaga keselamatan mereka dari musuh-musuh Nabi s.a.w** yang pasti akan menjadikan mereka sasaran untuk mengganggu misi beliau s.a.w.



03

A woman wearing a white hijab is shown from the chest up, holding an open Quran book with both hands. She is looking down at the pages. The background is a plain, light-colored wall.

Sebahagian ulama memahami ayat ini sebagai ketetapan Al-Quran akan tugas utama wanita Muslimah, iaitu berada di rumah dan mengurus hal ehwal rumahtangga.

Namun, jika difahami bersama ayat 34, Surah Al-Ahzab, dapat dilihat bahawa **peranan wanita Muslimah lebih luas daripada setakat “duduk rumah dan urus rumahtangga”**.

Perkataan “wazkurna” dalam ayat 34, Surah Al-Ahzab bermaksud menyampaikan:

- a) apa jua yang para isteri Nabi s.a.w dengar dari ayat-ayat Al-Quran yang dibaca oleh Nabi s.a.w setelah beliau menerima pesan dari Jibril
- b) kata-kata Nabi s.a.w yang mengandungi nasihat dan hukum-hukum agama di rumah
- c) tingkah laku Nabi s.a.w di rumah.



Perintah ini adalah penting di sisi agama kerana kata-kata dan tingkah laku Nabi s.a.w adalah sunnah yang patut menjadi panduan bagi semua Muslim dan bukan hanya bagi ahli rumah Nabi s.a.w sahaja.

Ketika di rumah, Nabi s.a.w pasti ada menasihati dan berkomunikasi bersama ahli keluarganya, dan melakukan pelbagai ibadat yang tidak dapat dilihat oleh orang luar. **Jika para isteri Nabi s.a.w tidak berkongsi kata-kata dan tingkah lakunya, sebahagian hukum agama tidak akan sampai kepada umat Islam di luar rumah Nabi s.a.w.**

Allah taala menurunkan ayat 34, Surah Al-Ahzab untuk memberi perintah yang jelas bagi memastikan perkara ini tidak terabai.



Kedua-dua ayat di ini memberitahu bahawa para isteri Nabi s.a.w mempunyai dua fungsi:

- a) **fungsi domestik** yang berkaitan dengan pelaksanaan tugas kekeluargaan
- b) **fungsi sosial** yang berkaitan dengan penyampaian ilmu agama atau dakwah kepada masyarakat.

Banyak fakta sejarah menyokong kedua-dua fungsi di atas:

- a) **dalam ilmu hadis**, terdapat banyak hadis yang melaporkan para sahabat (lelaki dan perempuan) belajar dan bertanya tentang hukum-hukum agama yang diketahui oleh para isteri Nabi s.a.w, hasil dari kehidupan mereka bersama Nabi s.a.w.
- b) **dalam sejarah**, ramai isteri Nabi s.a.w pula menjadi guru kepada Muslim dari generasi sahabat dan tabi`iin dan aktif dalam kerja-kerja kemasyarakatan setelah kewafatan Nabi s.a.w.




Saidatina Aishah r.a adalah isteri Nabi s.a.w yang paling menonjol dalam hal ini. Beliau aktif berdakwah bukan hanya sebagai penyampai ilmu, tapi juga sebagai aktivis masyarakat dan politik.

Bukti yang jelas bagi perkara ini ialah **penglibatan saidatina Aishah r.a dalam pergolakan politik** setelah pembunuhan saidina Usman r.a ketika menjadi khalifah ketiga sehingga membawa kepada Perang Jamal, iaitu konflik senjata antara saidatina Aishah r.a dan para pengikutnya yang ingin membela kematian saidina Usman r.a., dengan saidina Ali r.a selaku khalifah yang dilantik untuk menggantikan saidina Usman r.a dan tenteranya.

Walaupun penglibatan saidina Aishah r.a dalam Perang Jamal dilihat sebagai satu kesilapan ijтиhad di sisi sebahagian ulama, ia bukan hujah untuk menyalahkan aktivisme saidatina Aishah r.a dalam masyarakat.





Walaupun kedua-dua ayat ini ditujukan kepada Nabi s.a.w, namun semangat yang terkandung di dalamnya tentang fungsi wanita boleh diluaskan kepada semua wanita Muslimah kerana sebagaimana Nabi s.a.w, para isteri Nabi s.a.w juga adalah contoh bagi semua Muslim, khususnya bagi para wanita.

Al-Quran akui wanita Muslimah mempunyai peranan penting di rumah yang tidak boleh diabaikan kerana **sebahagian peranan ini kurang sesuai untuk dimainkan oleh kalangan lelaki Muslim**, seperti pendidikan anak-anak pada usia kecil. Namun, selain daripada urusan domestik atau kekeluargaan, **Al-Quran juga menetapkan bahawa wanita Muslimah mempunyai peranan penting dalam masyarakat, iaitu berdakwah**.



Hal ini menjadi lebih kritikal apabila dilihat bahawa sebahagian daripada masalah-masalah sosial yang ada dalam masyarakat lebih baik ditangani oleh kaum wanita sendiri seperti masalah membela nasib kaum wanita yang terabai dan anak-anak remaja wanita yang nakal.

Kesimpulan ini juga sesuai dengan makna dari ayat-ayat Al-Quran yang memerintahkan semua Muslim untuk **menunaikan perintah berdakwah**. (*lihat Ali Imran:104 dan 110, Al-Nahl:125, Al-Haj:41*)

Lelaki Muslim dan wanita Muslimah mempunyai peranan dan tanggungjawab umum yang sama dalam Al-Quran, iaitu saling membantu dalam hal ehwal keluarga dan sumbangan kepada masyarakat. (*lihat Al-Taubah:71*)



Harap artikel ini bermanfaat bagi anda. Sumbangan ikhlas anda amat kami hargai.

1. PayNow UEN S97MQ0018D
2. Pemindahan Wang OCBC Current 581-6766-40001

Kami berterima kasih dan moga Allah SWT merahmati dan membala budi anda dengan kebaikan setimpal!